



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 51/2011 (18 hingga 24 Disember 2011)

Pada minggu ke 51 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 18 hingga 24 Disember, sejumlah 429 kes demam denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, berbanding 522 kes dengan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Walaupun jumlah kes menurun, tetapi bilangan kes yang dilaporkan masih tinggi dan enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Johor yang meningkat sebanyak 4 kes (14%), Perlis 2 kes (200%), Sabah 2 (40%), Kelantan 2 kes (14%), Pahang 1 kes (7%) dan Melaka meningkat sebanyak 1 kes (7%) (Lampiran A).

Pemeriksaan premis oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan 61% dari premis yang mempunyai pembiakan Aedes adalah di kawasan kedai dan perumahan. Memandangkan musim cuti sekolah dan perayaan pada masa sekarang, orang ramai bertumpu di pusat membeli belah atau kebanyakan kanak-kanak banyak menghabiskan masa di rumah. Oleh itu, risiko jangkitan dan penyebaran virus denggi adalah tinggi pada situasi ini.

Bagi tempoh Januari hingga 24 Disember 2011, sebanyak 19,682 kes dilaporkan berbanding 45,684 kes bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 36 kematian akibat demam denggi dilaporkan bagi tempoh yang sama, berbanding 133 kematian pada tahun 2010.

Sejumlah 90 lokaliti wabak denggi di 22 buah daerah dipantau di seluruh negara, berbanding 97 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat tiga (3) lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini yang melibatkan 32 kes demam denggi. Dua (2) lokaliti *hot spots* di Selangor iaitu Apartment Taman Bukit Kenangan dan Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma di daerah Hulu Langat manakala Vista Angkasa di zon Klang Lama, WP Kuala Lumpur (Lampiran B).

Bagi musim persekolahan tahun baru yang akan berlangsung pada awal Januari, perhatian harus diberikan oleh pihak sekolah, Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) serta masyarakat yang tinggal berhampiran dengan kawasan persekolahan supaya dapat bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran sekolah. Hasil pemantauan KKM mendapati, kadar pembiakan Aedes yang ditemui di sekolah adalah tinggi, di mana bagi setiap 100 buah sekolah yang diperiksa terdapat 15 buah sekolah yang mempunyai pembiakan Aedes. Sebelum sesi persekolahan bermula, pihak sekolah diminta untuk memastikan semua air di dalam mangkuk tandas termasuk kolah-kolah yang menakung air dibersihkan. Bagi bekas yang mengandungi air dan tidak dapat ditukar airnya, maka hendaklah membubuh ubat pembunuh jentik-jentik (*abate*). Kawasan semak samun dengan tumbuhan juga perlu dibersihkan supaya tidak menjadi tempat nyamuk berehat dan membiak. Jangan ambil mudah perkara ini kerana jangkitan denggi boleh membawa maut. Tindakan yang dijalankan bersama boleh mengelakkan kejadian yang

tidak diingini berlaku. **“Tidak Peduli, Maut Menanti, Hapuskan Aedes”**.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Disember 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 51/2011  
(18 hingga 24 Disember 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 51/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 51/2010
		Minggu 51 (18 – 24 Dis 2011)	Minggu 50 (11 – 17 Dis 2011)		
1	Perlis	3	1	108	214
2	Kedah	11	19	514	773 (3)
3	P. Pinang	22	23	1,553 (3)	1,797 (7)
4	Perak	33	62	1,410 (2)	2,248 (6)
5	Selangor	194	234 (1)	7,648 (14)	16,179 (44)
6	WPKL & Putrajaya	39	49	2,005 (2)	4,165 (6)
7	N. Sembilan	10	12	732 (3)	1,497 (7)
8	Melaka	16	15	443	1,477 (12)
9	Johor	32	28 (1)	1,569 (7)	4,355 (12)
10	Pahang	15	14	906 (1)	1,661 (5)
11	Terengganu	13	17	687 (1)	1,454 (3)
12	Kelantan	16	14	725 (1)	3,557 (11)
13	Sarawak	18	29	964	4,211 (14)
14	Sabah	7	5	407 (2)	2,077 (3)
15	WP Labuan	0	0	11	19
	<b>MALAYSIA</b>	<b>429</b>	<b>522 (2)</b>	<b>19,682 (36)</b>	<b>45,684 (133)</b>

Nota: ( ) Kematian

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 51  
BAGI TAHUN 2011**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Klang Lama	Vista Angkasa	11	46
2	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Taman Bukit Kenangan	16	39
3	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Baiduri Bandar Tasik Kesuma	5	31